

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghentikan pembayaran wang pajakan RM5,300 kepada Kesultanan Sulu melalui Kerajaan Filipina sebagai langkah menamatkan terus campur tangan luar terhadap kedaulatan Malaysia, dan juga menggunakan wang tersebut bagi menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin daripada Filipina ke Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Filipina sentiasa menikmati hubungan dua hala yang erat dan hubungan yang akrab ini terbukti melalui pelbagai dimensi dan kerjasama yang terjalin setelah sekian lama antara Malaysia dan Filipina yang merangkumi pelbagai bidang khususnya dalam pertahanan dan keselamatan selain ekonomi.

3. Sehingga kini, kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta mencari kerjasama-kerjasama baharu di dalam usaha mempertingkatkan lagi

keakraban ini. TYT Rodrigo Duterte, Presiden Republik Filipina juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia sebanyak dua (2) kali iaitu pada 2016 dan 2018 bagi membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Ingin saya tekankan bahawa Kerajaan Malaysia memuktamadkan pendirian kita mengenai tuntutan ke atas Sabah. Pendirian ini telah disuarakan setegas-tegasnya. Malaysia telah beberapa kali menjelaskan bahawa kita tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah memandangkan Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia sejak 16 September 1963.

5. Berkenaan dengan persoalan bayaran melalui Kerajaan Filipina, saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidak pernah membuat sebarang pembayaran kepada Kerajaan Filipina. Namun demikian, Kerajaan Malaysia pernah membayar wang serahan (*cession money*) melalui peguam yang mewakili sembilan (9) orang waris Kesultanan Sulu. Dalam hubungan ini, bayaran berjumlah RM5,300 setahun telah dibuat berdasarkan kepada Perjanjian 22 Januari 1878 di antara Sultan Sulu, Sultan Jamal Al Alam dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent daripada Syarikat Borneo Utara British. Dalam hal ini juga, saya ingin jelaskan bahawa sejak tahun 2013, Kerajaan Malaysia telah menghentikan pembayaran *cession money* kepada waris Kesultanan Sulu.

6. Sehingga kini, tuntutan ke atas Sabah hanya pernah dikemukakan oleh pihak yang mendakwa sebagai keturunan Kesultanan Sulu. Isu berkenaan Sabah juga telah beberapa kali dibincangkan semasa pertemuan dua hala antara Pemimpin Negara Malaysia dan Filipina, di mana kedua-dua negara mempunyai persefahaman bahawa isu tuntutan Sabah tidak akan dibangkitkan di mana-mana platform rantau atau antarabangsa. Presiden Rodrigo Duterte juga telah memaklumkan bahawa mereka tidak mungkin akan mengambil tindakan berkenaan Sabah berikutan hubungan akrab kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.